

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa justifikasi untuk Kerajaan Negeri mencadangkan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara?
- b) Berapa jumlah premium, royalti dan lain-lain hasil yang dijangka kutip oleh Kerajaan Negeri?
- c) Apa nama syarikat yang mengemukakan cadangan untuk dapat hakmilik hutan ini?

JAWAPAN:

- a) HSK Kuala Langat Utara telah diwartakan pada 13 Mei 1927 dengan keluasan asal berjumlah ±7,246.96 ha. Kini keluasan HSK Kuala Langat Utara adalah berjumlah ±957.63 ha dan dikelilingi oleh pelbagai pembangunan guna tanah seperti perumahan Saujana Putra, Lebuhraya ELITE, perkampungan-perkampungan orang asli, aktiviti pertanian sawit, Ladang Boh Bukit Cheeding dan pembangunan bercampur Gamuda Cove.

Selain itu, beberapa kali insiden kebakaran telah berlaku di HSK Kuala Langat Utara ini yang memusnahkan sebahagian kawasan HSK sehingga mengalami kemerosotan kualiti hutan (degradasi). Berdasarkan rekod, dari tahun 2012 hingga 2017 seluas 359.60 ha @ 888.21 ekar kawasan hutan ini telah terbakar. Ini menjadikan sebanyak 30-40% daripada keseluruhan kawasan HSK Kuala Langat Utara telah mengalami kemerosotan akibat kebakaran hutan. Berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan Bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017-2021, jumlah peratusan kawasan ini telah dikategorikan sebagai kawasan berisiko tinggi (Zon Merah) di dalam Peta Zon Risiko Kebakaran.

Justeru itu, tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi isu kebakaran hutan ini akan melibatkan sejumlah peruntukan yang besar. Dianggarkan

sejumlah RM 1 juta diperlukan dalam pelaksanaan program pencegahan dan operasi pemadaman kebakaran hutan dalam satu masa. Kos ini meliputi projek pembinaan telaga tiub, pembinaan fire break, pengaktifan telaga tiub, sewaan jentera semasa kebakaran, penggunaan pesawat bombadier dan lain-lain keperluan logistik. Berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang tinggi ini, Kerajaan Negeri perlu meneliti sebaiknya keperluan pengekalan HSK ini serta pulangan ekonomi melalui kaedah seperti Kajian Cost Benefit Analysis (CBA).

Tidak dinafikan juga bahawa pelbagai aktiviti pembangunan guna tanah yang pesat di sekeliling hutan ini menjadi antara faktor ancaman ke atas pengekalan hutan ini. Di samping itu, sebahagian kawasan HSK Kuala Langat Utara ini juga bakal dibangunkan untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan seluas ±9.6ha @ ±3.2 km. Projek ini adalah merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan mempunyai kepentingan yang tinggi untuk manfaat awam.

Merujuk kepada Seksyen 11(b), Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 telah menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dalam HSK jika berpuas hati ianya diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang.

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-30/2019 bertarikh 16 Oktober 2019, seluas ±931.17ha @ ±2,300 ekar kawasan HSK Kuala Langat Utara ini telah diluluskan untuk pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Walaubagaimanapun, sebelum proses pemberimilikan tanah ini diteruskan, syarat-syarat penyahwartaan HSK telah dikenakan untuk dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon. Antara syarat-syarat yang telah dikenakan adalah melaksanakan Kaedah Penyiasatan Awam, penggantian kawasan HSK yang setara dan/atau lebih luas saiznya, proses pengeluaran dan penggantian HSK berlaku secara serentak, pengenaan bayaran pampasan gantirugi ke atas kehilangan manfaat hutan dan lain-lain syarat.

Sebagai makluman tambahan, beberapa cadangan kawasan ganti telah dikenalpasti dan akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Kawasan ganti ini dipilih berdasarkan kepada keadaan jenis hutan, keperluan perlindungan biodiversiti yang lebih tinggi dan aspek-aspek pengekalan hutan yang berkaitan. Daripada 12 buah kawasan yang dicadangkan, sebanyak 3 kawasan telah dipilih berdasarkan justifikasi yang bersesuaian. Kawasan tersebut adalah seperti Lot PT 4182, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam seluas ±308.62 ha @ ±762.29 ekar (merupakan Hutan Paya Gambut), Tanah Kerajaan

Mukim Sungai Panjang 2, Daerah Sabak Bernam seluas ±606.88 ha @ ±1499.00 ekar (merupakan Hutan Paya Gambut) dan Tanah Kerajaan di Ampang Pechah, Mukim Buloh Telor, Daerah Hulu Selangor seluas ±190.28 ha @ ±470.00 ekar (merupakan antara kawasan koridor ekologi Central Forest Spine negeri Selangor). Ini menjadikan keseluruhan kawasan yang akan diganti bagi penyahwartaan HSK Kuala Langat Utara seluas ±931.17 ha @ ±2,300 ekar adalah seluas ±1,105.78 ha @ ±2,731.29 ekar.

Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis sedang diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 yang lalu. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menerima sejumlah 44,292 bantahan secara bertulis. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (Town Hall Session) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan HSK tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan yang dikemukakan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna sebelum diangkat kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Berdasarkan kepada analisa bantahan ini, beberapa justifikasi boleh diperolehi untuk menjadikan asas pertimbangan dan seterusnya mengesyorkan opsi-opsyen yang wajar sama ada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

- b) Jangkaan premium dan lain-lain bayaran yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM323,774,578.00**. Perinciannya adalah seperti berikut :-

Titian Jutaria Sdn Bhd :

i.	Premium Tanah	:	RM 308,491,920.00
ii.	Cukai Tanah	:	RM 368,264.00
iii.	Tabung Amanah Perkuburan	:	RM 500.00
iv.	Caruman Parit	:	RM 14,000.00
Jumlah		:	RM 322,860,684.00

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) :

i.	Premium Tanah	:	RM	1,000.00
ii.	Cukai Tanah	:	RM	12,894.00
iii.	Caruman Parit	:	RM	900,000.00
Jumlah		:	RM	913,894.00

- c) Nama syarikat yang mengemukakan cadangan pemilikan adalah Tititan Jutaria Sdn Bhd dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PRESTASI KDEBWM DI SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat satu set parameter yang digunakan untuk menilai prestasi KDEBWM di Selangor dan di setiap PBT?
- b) Berapa banyak NTC dan denda atau potongan pembayaran yang dikenakan terhadap KDEBWM mengikut PBT?
- c) Adakah KDEBWM akan memperluaskan operasinya di luar Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat mengambil berat tentang pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor dan bertekad untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Selangor secara berterusan. Oleh itu, satu kajiselidik untuk penambahbaikan prestasi pihak berkuasa tempatan (PBT) Negeri Selangor yang berfokus khas terhdap pengurusan sisa pepejal sedang dilaksanakan. Antara fokus kajiselidik ini adalah piawaian perkhidmatan KDEBWM, penilaian mutu perkhidmatan KDEBWM dan tahap kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh KDEBWM.

Set parameter yang ditekankan terhadap prestasi KDEBWM adalah:

- i. Penerimaan dan penyelesaian aduan; dan
 - ii. Penerimaan Notis Tindakan Pembetulan (NTP) jika terdapat kegagalan kerja di tapak semasa pemantauan secara harian oleh PBT.
- b) Bilangan NTC dan denda atau potongan pembayaran yang dikenakan terhadap KDEBWM mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Jumlah NTC	Pemotongan Pembayaran NTC (RM)
MBPJ	1,295	216,950.00
MPK	3,144	342,700.00
MPAJ	2118	480,250.00
MPSJ	1,361	377,750.00
MPS	2,946	748,000
MPKJ	241	241,000.00
MPSP	14	17,444.65
MPKL	152	145,656.90
MDHS	255	40,350.00
MDKS	117	50,880.62
MDSB	27	5,700.00

Bagi MBSA yang baru diambil alih oleh KDEBWM pada Januari 2020, tiada yang dikenakan setakat ini.

- c) KDEBWM sememangnya mempunyai perancangan masa hadapan untuk memperluaskan operasinya termasuk di luar Selangor bagi memastikan kelestarian perniagaan selain mempelbagaikan sumber pendapatannya. Walaubagaimanapun, sebagai anak syarikat milik penuh kerajaan negeri, kesemua perancangan perniagaan ini perlulah terlebih dahulu mendapat restu dari kerajaan negeri. KDEBWM melihat bahawa bidang pengurusan sisa pepejal ini adalah satu bidang yang amat berpotensi dan *recession proof*. Justeru, KDEBWM sedang mengkaji peluang-peluang perniagaan yang berpotensi khususnya di dalam bidang pengurusan sisa pepejal bagi kedua-dua segmen hulu dan hiliran termasuk di luar Selangor bagi memastikan kemampuan perniagaan sama ada secara *organic growth* atau pun *inorganic growth* melalui pengambilalihan dan usahasama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS KG KEMENSAH SEBAGAI DESTINASI RASMI PELANCONGAN
NEGERI SELANGOR**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sinergi antara wujudnya Zoo Negara dengan dinamisme Kg Kemensah berpotensi menjadikan kawasan rekreasi tersebut destinasi pelancongan berdaya maju. Nyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk menjadikannya destinasi pelancongan Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Kampung Kemensah telah rasmi disenaraikan sebagai destinasi pelancongan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri amat komited dalam mempromosikan produk pelancongan khususnya di kawasan Hulu Langat ke mata dunia. Produk pelancongan yang berkonsepkan konservasi, eko dan alam semulajadi ini menjadi pilihan kepada pencinta alam dan pelancong daripada Eropah, Singapura, Domestik dan sebagainya.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan ini dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara langkah Tourism Selangor untuk mempromosikan kawasan ini adalah;

i) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan produk pelancongan di daerah Hulu Langat. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, The Best of Selangor dan Buku Terokai Kehijauan Selangor.

- ii) Mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan di Kampung Kemensah di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2020. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti berikut;**

- Program MATTA Fair (2 kali setahun)
- Malaysia Inbound Travel Fair (MITA)
- Selangor International Expo (SIE)
- Kuala Lumpur Photography Festival

iii) Program promosi luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut;

- Asean Tourism Forum
- SATTE, New Delhi, India
- ITB Berlin
- World Travel Market London
- FITUR, Madrid

iv) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi pelancongan sukan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.selangor.travel>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 300,000 *followers*. Facebook, Twitter dan Weibo Tourism Selangor menggunakan profil nama @TourismSelangor serta Instagram menggunakan profil @DiscoverSelangor dapat mempromosikan kawasan pelancongan ini dengan lebih efektif dan meluas.

v) Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)

Tourism Selangor bekerjasama dengan produk-produk pelancongan yang berteraskan pelancongan eko dan alam semulajadi untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa.

vi) Penganjuran Program Domestik berimpak Tinggi

Antara program Tahunan yang telah dijalankan adalah larian Marathon King of Kampung Kemensah yang mendapat penyertaan seramai 5 ribu orang peserta domestik dan antarabangsa. Program ini juga memberikan impak limpahan ekonomi setempat atau '*Multiplier Effect*' kepada sektor pengangkutan, makanan, penginapan dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : BELIA DAN SUKAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan di Selangor?
- b) Adakah Kuala Selangor boleh mendapatkan sebuah pusat akuatik renang yang boleh menjadi salah satu peluang dan bidang melatih melahirkan atlet renang bagi Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Melalui Belanjawan 2020, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM7,000,000.00 bagi tujuan pembangunan sukan yang merangkumi perkara-perakara seperti berikut :-
 - i. Program Latihan dan Kepakaran (Kejurulatihan)
 - ii. Program Latihan dan Pembangunan Atlet
 - iii. Pembangunan Majlis Sukan Daerah (MSD)
 - iv. Program Pembangunan dan Perancangan Sukan Malaysia (SUKMA)

Dengan peruntukan yang disediakan ini, Kerajaan Negeri berharap Negeri Selangor akan terus kekal sebagai salah satu kuasa besar dalam bidang sukan di Negara kita seperti menjadi juara keseluruhan pada kejohanan SUKMA XVIII Sarawak 2016 dengan jumlah keseluruhan kutipan pingat sebanyak 195 pingat (61 emas, 71 perak dan 63 gangsa) dan SUKMA XIX Perak 2018, Selangor telah berjaya meraih pingat keseluruhan berjumlah 182 pingat (47 emas, 68 perak dan 67 gangsa).

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan pencapaian dan *performance* atlet, penumpuan sepenuhnya perlu difokuskan kepada pembangunan 'Sukan Berprestasi Tinggi'. Usaha-usaha dan pelan jangka panjang yang perlu dilakukan adalah dengan mewujudkan semula Unit Sukan Prestasi Tinggi (USPT) dalam memastikan bakat-bakat atlet pelapis dapat diasah untuk persediaan kejohanan sukan-sukan dan juga memastikan tidak berlakunya keciciran bakat.

Penganjuran kejohanan sukan (membabitkan 30 jenis sukan) di setiap daerah juga perlulah dilaksanakan untuk memupuk semangat kesukanan dan secara langsung menggalakkan penyertaan bakat-bakat baharu. Usaha menggalakkan penganjuran dan penyertaan dalam kejohanan sukan bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru, malahan bagi memupuk budaya kesukanan dan budaya hidup sihat di kalangan rakyat Selangor dan memberikan pendedahan kepada atlet mengenai pengurusan untuk menganjurkan kejohanan agar mereka memahami peraturan-peraturan dalam sukan serta memmanifestasikan kesungguhan kerajaan untuk turut membantu dalam membangunkan sukan di Negeri Selangor. Di samping itu, pusat perkembangan bakat dan atlet muda di setiap daerah mahupun PBT perlu diwujudkan bagi merealisasikan kecemerlangan sukan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PRESTASI PENERUSI MPKK

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi penerus MPKK di setiap kampung sebagai agen penggerak kerajaan dinilai keberkesanannya?

- b) Adakah pemilihan serta pelantikan mereka ini menepati kriteria yang disediakan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PERKEMBANGAN HALAL INTERNATIONAL SELANGOR

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberhasilan program yang dijalankan?
- b) Berapa ramaikah tenaga teknikal dan profesional yang telah dapat dilahirkan?

JAWAPAN:

- a) Keberhasilan program yang dijalankan oleh HIS adalah seperti berikut;-
 - i. Program Halal International Selangor (HIS) telah merangkumi dua komponen dalam eko-sistem industri Halal iaitu:
 - Pembangunan modal insan melalui latihan-latihan pra dan pasca pensijilan halal.
 - Pembangunan industri halal melalui penilaian kesediaan pensijilan halal dan penilaian produk halal.
 - ii. Sepanjang 2017 – 2019 program-program HIS telah menasasarkan seramai 2,928 peserta. Peserta-peserta ini terdiri daripada pelajar, pemain industri serta penguatkuasa.
 - iii. Bagi keseluruhan program, sebanyak 80% dan lebih peserta mendapati program yang dijalankan menepati objektif yang disasarkan. Antara objektif-objektif program (secara keseluruhan):
 - Meningkatkan kemahiran berkaitan perniagaan dan pensijilan halal
 - Memberikan tambah nilai bagi pengetahuan dan kemahiran bagi pemain-pemain industri

- Membuka peluang pekerjaan
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang halal bagi penguatkuasa.

b) Daripada jumlah yang telah dilatih dan dibimbing sepanjang tempoh 3 tahun, sejumlah 2,172 tenaga teknikal dan professional telah dilahirkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TAMAN ALAM KUALA SELANGOR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah komitmen Kerajaan Negeri dalam membantu memelihara habitat dan spesies hidupan di Taman Alam Kuala Selangor demi kelestarian alam sekitar dan hutan di Negeri ini.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia menyediakan peruntukan bagi tujuan ini.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor sentiasa bekerjasama untuk membantu Persatuan Pencinta Alam Malaysia memelihara dan memulihara habitat dan spesies hidupan di Taman Alam Kuala Selangor demi kelestarian alam sekitar dan hutan paya bakau di negeri ini. Taman Alam Kuala Selangor ini terkenal dengan kawasan paya bakau dan kawasan penghijrahan burung – burung daripada pelbagai negara yang juga merupakan tarikan utama pelancong datang ke Kuala Selangor bermula bulan September sehingga Mac setiap tahun.

Kebanyakan program yang dijalankan turut memberi kesedaran tentang pentingnya pokok paya bakau terhadap ekosistem habitat dan spesies hidupan di Taman Alam Kuala Selangor ini. Selain itu, aktiviti menanam pokok bakau juga dilakukan di sini bagi tujuan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR). Tarikan ini adalah menjurus kepada pencinta alam seluruh negara dan pelajar-pelajar IPT dalam dan luar negara yang sentiasa menanti kemunculan program-program ini. Sehubungan itu, selaku PBT yang bertanggungjawab, MDKS sentiasa menyalurkan bantuan yang diperlukan bagi memastikan kelancaran program yang dijalankan sentiasa memenuhi keperluan dan kehendak pengunjung bagi menjaga nama baik dan imej produk pelancongan Kuala Selangor.

- b) **Jawapan masih belum diterima daripada MDKS**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : LAWATAN KE LUAR NEGARA

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lawatan ke luar negeri yang telah di luluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019?
- b) Sila beri pecahan peratus lawatan yang melibatkan anggota pentadbiran and lawatan yang tiada anggota pentadbiran?
- c) Apakah jumlah perbelanjaan untuk semua lawatan ini?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2019, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan sebanyak 86 lawatan rasmi yang melibatkan Kunjungan Hormat, Misi Promosi Penggalakan Pelaburan, menghadiri Persidangan Antarabangsa, menjadi peserta pameran, menghadiri kursus serta penyertaan pertandingan di peringkat antarabangsa.
- b) Daripada sejumlah 86 lawatan rasmi yang diadakan, 33 lawatan melibatkan anggota pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu Y.B. AMMKN manakala selebihnya 53 lawatan rasmi tidak melibatkan Y.B. AMMKN sebagai delegasi mahupun peserta.
- c) Jumlah perbelanjaan bagi kesemua lawatan ini adalah RM7,868,551.15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : WANG CAGARAN

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah tempoh maksima untuk sesebuah PBT memegang wang cagaran untuk sesuatu projek pembangunan?
- b) Apakah status wang cagaran tersebut sekiranya ianya tidak dituntut atau gagal dituntut oleh pihak pendeposit?

JAWAPAN:

- a) Pendeposit boleh menuntut wang cagaran yang dikenakan oleh PBT setelah tujuan kutipan wang cagaran dipenuhi dan pihak PBT berpuas hati segala obligasi pendeposit di bawah kontrak dipenuhi dan dilaksanakan termasuk membuat potongan apa-apa bayaran yang kerajaan berhak ke atasnya.
- b) Terdapat dua Status Wang cagaran di PBT iaitu cagaran aktif dan tidak aktif. Wang cagaran aktif adalah apa-apa bayaran cagaran yang tidak mencapai tujuan wang itu dikutip serta tidak memenuhi peruntukan apa-apa syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh PBT dan pendeposit hanya membuat tuntutan setelah memenuhi maksud. Walau bagaimanapun bagi wang cagaran yang tidak aktif yang telah mencapai tujuan wang itu dikutip serta mematuhi apa-apa syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh PBT dan tidak dituntut oleh empunya dalam satu tempoh masa tidak kurang daripada satu tahun, ianya hendaklah diserahkan kepada Pendaftar wang tidak dituntut selaras dengan Akta WTD 1968 Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pendeposit masih boleh membuat tuntutan di Pejabat Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PROJEK JAMBATAN BATANG KALI

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Projek pelebaran jambatan batang kali kini telah lewat untuk disiapkan dari tarikh yang telah ditetapkan. Apakah langkah segera Kerajaan Negeri untuk membendung masalah trafik yang semakin meruncing terutamanya ketika waktu puncak ?

- b) Harap cadangan alternatif untuk selesaikan masalah trafik ini

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PENEMPATAN SETINGGAN DAN PENDUDUKAN HARAM TANAH
KERAJAAN**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah lokasi telah dikenalpasti masih ada pendudukan haram di atas tanah Kerajaan di Negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan isu pendudukan haram di tanah kerajaan?

JAWAPAN:

a)

Bil	Daerah	Jumlah Lokasi
1	Sabak Bernam	1
2	Kuala Selangor	43
3	Klang	119
4	Kuala Langat	121
5	Hulu Langat	2
6	Sepang	15
7	Petaling	34
8	Gombak	4
9	Hulu Selangor	29
JUMLAH		368

Secara keseluruhannya, terdapat **368** lokasi yang telah dikenalpasti masih ada pendudukan haram di atas Tanah Kerajaan di dalam Negeri Selangor. Setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) telah mengeluarkan Notis Pentadbiran di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) ke atas semua penceroboh Tanah Kerajaan tersebut dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 425 KTN iaitu tindakan perobohan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) sentiasa melakukan pemantauan ke atas mana-mana Tanah Kerajaan mengikut daerah masing-masing. Tindakan awal iaitu pengeluaran Notis Pentadbiran di bawah seksyen 425 KTN serta disusuli dengan tindakan perobohan akan dapat memastikan pencerobohan Tanah Kerajaan tidak lagi berleluasa.

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) bersama-sama dengan PDT sedang merangka suatu perancangan agar dapat mendakwa penceroboh-penceroboh Tanah Kerajaan ini seperti yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 425 KTN iaitu pengenaan denda RM500,000.00 atau sepuluh (10) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri boleh memastikan elaun petugas-petugas yang bertugas di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang rata-rata kini berada bawah paras gaji minima RM1100 dapat dipertingkatkan?

JAWAPAN:

- a) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) adalah sebuah program yang dijalankan di bawah Jawatankuasa yang dilantik dan menerima geran peruntukan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penubuhan PDK adalah berasaskan kepada kerja sukarela yang dijalankan oleh ahli komuniti kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang memerlukan di kawasan masing-masing. Secara tidak langsung, OKU dapat tinggal di dalam komuniti dan menerima perkhidmatan dan peluang yang sama rata.

Walau bagaimanapun, program PDK ini telah mendapat perhatian dan berjaya memberikan perkhidmatan pemulihan dan pembangunan kepada lebih 20,000 OKU di seluruh Malaysia. Sebanyak 56 buah PDK sedang beroperasi di Negeri Selangor dan dikendalikan oleh 56 orang Penyelia dan 290 orang petugas. Seramai 2,415 OKU yang berdaftar dan menerima perkhidmatan di PDK.

Pada tahun 2018, semua PDK telah didaftarkan di bawah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Buat masa ini, JKM memberikan geran kepada PDK bagi tujuan pemberian elaun pelatih OKU, utiliti, sewa premis, elaun penyelia dan petugas serta caruman KWSP dan PERKESO dan geran aktiviti.

Geran peruntukan yang diterima dari JKM bagi tujuan bayaran elaun adalah sebanyak RM1200 kepada penyelia dan RM800 sebulan kepada petugas. Untuk bayaran petugas, ianya tidak selaras dengan arahan pembayaran gaji minimum RM1100 sebulan. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Selangor sedang dalam rangka kajian untuk meneliti jumlah tambahan elaun yang bersesuaian bergantung kepada kedudukan kewangan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : JAWATANKUASA BERSEPADU BAGI MENANGANI ISU PENCEMARAN
ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri ada menubuhkan mana-mana Jawatankuasa Bersepadu, yang mengumpulkan wakil-wakil daripada semua agensi-agensi kerajaan dan lain-lain (sebagai contoh, Jabatan Ala Sekitar, SPAN, LUAS, IWK, PBT) bagi membincangkan masalah pencemaran alam sekitar secara keseluruhan (termasuk penggubalan undang-undang baru) ?

JAWAPAN:

- a) Bagi membincangkan masalah pencemaran alam sekitar serta isu-isu pelupusan bahan berbahaya, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kebarangkalian Tapak Pelupusan Bahan Buangan Terjadual Di Peringkat Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh MMKN Ke 27/2019 pada 18 September 2019. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Pusat dan Negeri dalam memastikan kesejahteraan serta kebajikan rakyat sentiasa terjamin dan tidak ada kemudaratan terhadap rakyat. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Kebarangkalian Tapak Pelupusan Bahan Buangan Terjadual Di Peringkat Negeri Selangor yang pertama telah diadakan adalah pada 29 November 2019. Keahlian jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Pengerusi : YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan inovasi (STI) dan Hal Ehwat Pengguna Negeri Selangor

Timbalan Pengerusi : Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Ahli Tetap : Wakil Perbendaharaan Negeri Selangor

Wakil Bahagian Pengurusan Bencana
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Wakil Semua Pejabat Tanah Daerah Negeri Selangor

Wakil Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor

KDEB Waste Management

Setiausaha : Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN

Sekretariat : Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif penubuhan jawatankuasa ini diadakan adalah untuk:

- a) Mendapatkan maklumat, isu-isu dan permasalahan berkaitan pencemaran serta pelupusan buangan berbahaya negeri;
- b) Menerima dan mengkaji pelaporan mengikut perundangan yang berkaitan dengan skop pelupusan serta pengurusan buangan berbahaya yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi;
- c) Menerima laporan dan seterusnya mengeluarkan arahan untuk tindakan jabatan dan agensi berkaitan mengikut undang-undang sedia ada;
- d) Membuat pemantauan dan penyelidikan dalam aspek penyelidikan, latihan, pembangunan, pemantauan dan penguatkuasaan dalam pelupusan buangan berbahaya;
- e) Menilai dan mencadangkan tindakan penambahbaikan di peringkat Kerajaan Negeri dalam semua aspek pengurusan dan pelupusan buangan berbahaya; dan
- f) Manjadi penghubung Kerajaan Negeri dan Persekutuan dengan masyarakat terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pelupusan buangan berbahaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Kebarangkalian Tapak Pelupusan Bahan Buangan Terjadual Di Peringkat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga menubuhkan Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, Jawatankuasa Pelaksana Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri di Selangor dan Jawatankuasa Pencegahan Pembakaran Terbuka Peringkat Negeri Selangor.

Ini merupakan antara usaha Kerajaan Negeri memastikan insiden pencemaran tidak berlaku ketika musim perayaan yang boleh menyebabkan gangguan bekalan air akibat daripada penutupan Loji Rawatan Air (LRA). Operasi pemantauan di lembangan sungai ini diketuai oleh Lembaga Urus Air Selangor dan disertai oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, Air Selangor, Indah Water Konsortium, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah Tanah (PDT) Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : PADANG TARAF FIFA DAN KEMUDAHAN SUKAN UNTUK SEMUA
JANTINA**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji semula cadangan membina dan menaik taraf padang bolasepak kampung supaya bertaraf padang FIFA di setiap DUN?

- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina kemudahan sukan selain padang bolasepak atau futsal bagi manfaat semua jantina?

JAWAPAN:

(a) dan b) dijawab bersekali

Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor. Justeru itu, penyediaan kemudahan sukan untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti kesukanan tidak pernah diabaikan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap Dewan Negeri bagi Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Kemudahan Sukan. Untuk makluman, keperluan pembaikan kemudahan sukan di peringkat Dewan Negeri adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat. Kemudahan ini boleh digunakan sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bagi melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 13 / 2019 yang diadakan pada 23 Mei 2019 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 14 / 2019 pada 29 Mei 2019 telah menimbang dan meluluskan Penggunaan Peruntukan Sukan di kawasan Dewan Negeri seperti berikut: -

- i) Bersetuju agar penggunaan 1/3 daripada 30% jumlah peruntukan Projek Kecil di bawah peruntukan Y.B. Ahli Dewan Negeri hendaklah digunakan bagi menaiktaraf dan membaikpulih infrastruktur sukan;
- ii) Bersetuju agar peruntukan P01-07002 (Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan) sebanyak RM40,000.00 disalurkan secara Waran kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) berdasarkan Surat Setuju Terima (SST);
- iii) Bersetuju agar semua pelaksanaan bagi projek membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur sukan perlu berdasarkan Proses Kerja Bagi Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Sukan seperti di **Lampiran 1** dan menjadikan *Bill of Quantity* yang telah disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sebagai rujukan bagi pelaksanaan projek tersebut; dan
- iv) Bersetuju agar Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan bagi tahun 2019 dikhususkan kepada kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf padang bola sepak manakala bagi tahun-tahun berikutnya akan ditentukan oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sukan.

Selaras dengan keputusan tersebut, satu penambahbaikan telah dibuat bagi Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan di kawasan Dewan Negeri yang mana pada tahun ini, projek ini akan dikhususkan kepada Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Bola Sepak. Cadangan kerja baikpulih dan naiktaraf bagi projek tersebut adalah seperti berikut: -

- i. Kawasan yang terlibat adalah Padang Bola Sepak Utama yang berkeluasan 95 x 60 meter (FIFA: Panjang 90m-120m, Lebar 45m-90m);
- ii. Kerja-kerja memotong rumput dan mencabut tumbuhan liar di kawasan padang;
- iii. Membekal dan menyediakan campuran pasir (1:3) dan *top soil* (2:3) sebagai medium penanaman rumput;
- iv. Menjalankan kerja meratakan permukaan tanah;

- v. Rumput padang dibaikpulih dengan penggunaan rumput sedia ada serta membekal rumput jenis 'cowgrass' bagi membaiki permukaan tanah yang tidak subur;
- vi. Membekal dan menabur bahan kimia seperti baja bagi proses percambahan rumput padang;
- vii. Menjalankan proses penjagaan sekurang-kurangnya 3 bulan bagi memastikan hasil penumbuhan rumput yang baik;
- viii. Membuat penanda garisan padang bola sepak;
- ix. Membaiki kedudukan dan keadaan tiang gol sedia ada beserta kerja mengecat semula;
- x. Membaikpulih pagar penghalang setinggi 30 kaki; dan
- xi. Membina 'Grandstand' jenis tempat duduk berperingkat di kawasan tepi padang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : USAHA MENYOKONG SUKAN PERMOTORAN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu dan menyokong penggiat sukan permotoran selain drpada menyediakan litar lumba?

- b) Apakah penghargaan yang diberi kepada pengiat ini memandangkan kebanyakan pelumba-pelumba ini dari Negeri Selangor dan sering menjadi juara peringkat Antarabangsa?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU LEWAT SIAP DAN TERBENGGKALAI

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah projek dan bilangan unit rumah di bawah projek Rumah Selangorku yang gagal disiapkan dan lewat dibina mengikut jadual?
- b) Apakah puncanya kelewatan dan kegagalan tersebut?
- c) Apakah langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali

Kerajaan Negeri telah mensasarkan 30,000 unit untuk disiapkan menjelang tahun 2023. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, 11 projek telah siap dibina, 49 projek lagi sedang dalam pembinaan manakala 12 projek melibatkan 7,659 masih dalam perancangan. Walaubagaimanapun, sebanyak **5 projek yang melibatkan (2,185 unit)** telah dikenal pasti oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sebagai lewat untuk disiapkan. Faktor kelewatan adalah seperti berikut: -

No	Pemaju	Bil. Unit	Sebab Kelewatan
1	Elite Park Development Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad.)	244	Kerja rektifikasi struktur bangunan di tapak telah mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan oleh pemaju
2	Luxstar Housing Development Sdn. Bhd.	850	Lewat disebabkan kegagalan mematuhi pelan bangunan yang telah diluluskan oleh PBT. Projek telah diserahkan kepada syarikat penglikuidasi

3	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	204	Pemaju melewati kerja mengalihkan kabel dan paip syarikat utiliti yang berada di dalam tapak pembinaan
4	Serambi Padu Sdn. Bhd.	499	Projek yang dahulunya terbengkalai dan pemaju penyelamat mengambil masa untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak utiliti.
5	Jitu Enigma Sdn. Bhd.	388	Pemaju telah digulungkan dan syarikat penerima dan pengurus (<i>Receiver</i>) yang dilantik memerlukan masa untuk melantik pemaju baharu.
Jumlah Keseluruhan		2,185	

- c) Di antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah projek lewat adalah seperti berikut: -
- i. Pemaju adalah dikehendaki untuk mengemukakan jadual pelaksanaan projek sebaik kelulusan pembangunan di berikan oleh Kerajaan Negeri seterusnya projek tersebut akan dipantau secara berkala oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).
 - ii. Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pemantauan Pembangunan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang mana fungsinya adalah seperti berikut: -
 - a) Mengenalpasti isu - isu berbangkit dan memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat pembangunan projek Rumah Selangorku seperti mana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - b) Menjadi pemudah cara bagi mendapatkan penyelesaian berkaitan masalah teknikal dalam pembangunan yang dihadapi oleh pemaju pihak pemaju dengan jabatan kerajaan atau syarikat pembekal dan utiliti.

- c) Membuat pemantauan yang khusus kepada projek yang didapati lewat disiapkan yang mana pihak pemaju dipohon untuk mengemukakan pelan tindakan pemulihan projek kepada pihak jawatankuasa.

- d) Mengesyorkan arahan drastik seperti pembekuan atau “stop work order” serta tindakan kaveat pendaftar ke atas tanah milik pemaju sekiranya pemaju didapati sengaja melewati-lewatkan pembinaan Rumah Selangorku

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah dan senaraikan projek rumah kerajaan prihatin pada tahun 2018 sehingga kini?

- b) Berapakah nilai peratusan permohonan dan rumah yang telah siap?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Pelabuhan Klang, jumlah Bantuan Rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin sejak tahun 2018 sehingga kini ialah sebanyak 138 projek yang melibatkan 9 daerah merangkumi bantuan bina baru rumah dan bantuan baikpulih rumah. Setiap permohonan akan ditapis dan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin. Senarai permohonan yang telah menerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2018 sehingga kini mengikut pecahan daerah dan syarat – syarat program adalah seperti di Lampiran.

- b) Dari tahun 2018 sehingga kini, sebanyak 37 permohonan telah berjaya direkodkan bagi mendapatkan bantuan bina baru rumah merangkumi 9 daerah di negeri Selangor. Manakala sebanyak 101 permohonan berjaya selebihnya yang direkod adalah bantuan baikpulih rumah. Walau bagaimanapun, daripada keseluruhan kelulusan sebanyak 138 permohonan, hanya 72% yang telah siap dibina manakala selebihnya masih dalam tindakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan.

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN
DARI TAHUN 2018 – 2019**

DAERAH \ TAHUN	2018		2019		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	1	1	7	5	2
PETALING	2	2	1	5	10
KUALA LANGAT	-	-	3	8	
HULU LANGAT	1	3	2	1	7
SABAK BERNAM	2	14	1	18	35
KUALA SELANGOR	-	-	3	12	4
GOMBAK	2	5	7	8	22
HULU SELANGOR	-	1	2	7	10
SEPANG	2	8	1	3	10
JUMLAH KESELURUHAN	10	34	27	67	100

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	37
BP - Baikpulih	101
Jumlah keseluruhan	138

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Program ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan miskin yang tidak mampu untuk menyediakan sendiri tempat berteduh / kediaman yang sempurna dan selesa.

2.0 JENIS BANTUAN

- 2.1. **BANTUAN BINA BARU** bagi rumah yang daif dan tidak selamat untuk didiami.
- 2.2. **BANTUAN BAIK PULIH** bagi bahagian rumah yang mengalami kerosakan pada kos tidak melebihi RM20,000.00.

3.0 SYARAT – SYARAT AM

- 3.1. **Bagi Bantuan Bina Baru** : rumah asal / sedang didiami pemohon mesti **dirobohkan keseluruhan** bagi membina baru sebuah rumah baru di atas tapak asal rumah pemohon.
- 3.2. **Bagi Bantuan Baik Pulih** : **Kerosakan asas dan kritikal sahaja** akan di baik pulih. Sebarang penambahan **struktur baru tidak dibenarkan.**
(Ditentukan oleh Pejabat Daerah berkenaan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor)

4.0 SYARAT – SYARAT KELAYAKAN

- 4.1. Terbuka kepada **anak kelahiran Selangor** atau **pemohon yang bermastautin di negeri Selangor melebihi daripada lima belas (15) tahun**. Pemohon-pemohon yang bukan kelahiran negeri Selangor mestilah dibuktikan telah menduduki kawasan berkenaan tidak kurang daripada lima belas (15) tahun. *(Surat Pengesahan Pemastautin oleh Pejabat Daerah / Penghulu / Ketua Kampung)*
- 4.2. **Pendapatan isi rumah pemohon** hendaklah di **bawah RM1,500.00** sebulan yang merangkumi tanggungan yang tinggal bersama di dalam rumah berkenaan. *(Disertakan penyata pendapatan/pencen yang disahkan oleh Pejabat Daerah / Penghulu / Ketua Kampung)*
- 4.3. Umur pemohon adalah **di antara 45 tahun hingga 75 tahun** sahaja kecuali **Orang Kurang Upaya (OKU)**.
- 4.4. **Hanya ketua keluarga** sahaja yang layak memohon dan ketua keluarga mestilah merupakan ketua keluarga **bagi isteri pertama sahaja**.
- 4.5. Pemohon yang **mempunyai tanggungan** sahaja akan dipertimbangkan. Terdapat bukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya.
- 4.6. Hanya **satu keluarga sahaja** yang layak menerima bantuan rumah.
- 4.7. Pemohon yang memperoleh **Tanah Kurniaan Kerajaan tidak akan dipertimbangkan** untuk bantuan rumah.
- 4.8. Rumah yang sedang **dalam pembinaan atau terbengkalai tidak akan dipertimbangkan**.
- 4.9. Pemohon yang **menumpang dan menyewa tidak akan dipertimbangkan**.
- 4.10. **Keadaan rumah pemohon mestilah daif** dan tidak sesuai untuk diduduki.
- 4.11. Rumah pemohon mestilah berada **di kawasan perkampungan tradisi / kampung baru** yang mana rumah tersebut berada di atas **tanah milik**

sendiri. Kedudukan tapak mestilah mempunyai / berdekatan dengan punca bekalan air dan elektrik serta bukan kawasan banjir.

- 4.12. **Tanah T.O.L.** (Temporary Occupation License / Lesen Pendudukan Sementara) & **Rezab Kerajaan tidak akan dipertimbangkan** untuk bantuan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pegawai Daerah berkenaan.
- 4.13. Pemohon dikehendaki untuk melampirkan **surat kebenaran menduduki / surat kuasa menduduki daripada tuan / pemilik tanah / waris - waris** sekiranya tanah bukan hak milik pemohon. (*Disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah*)
- 4.14. Pemohon yang telah **mendapat bantuan** baik pulih atau bina baru rumah daripada jabatan / **agensi luar adalah tidak layak menerima bantuan** rumah Program Kerajaan Prihatin.
- 4.15. **Mangsa bencana alam / kebakaran** yang membuat permohonan Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin selepas ditimpa musibah adalah **tidak layak dipertimbangkan.**
- 4.16. Pemohon yang berjaya adalah tertakluk kepada pemulangan Surat **Penerimaan Tawaran Bantuan Rumah dalam tempoh 14 hari** dari tarikh penerimaan surat tersebut.
- 4.17. **Keputusan permohonan** adalah tertakluk kepada pertimbangan **Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin** yang bersidang.

5.0 PERINGATAN

**Masalah keluarga & isu berkaitan hakmilik pemilikan tanah perlu diselesaikan di peringkat pemohon terlebih dahulu*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : USAHA PENCEGAHAN DENGGI

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penyelidikan nyamuk Wolbachia dalam usaha mencegah denggi?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mencegah denggi selain daripada pemeriksaan rumah-ke-rumah oleh penduduk?
- c) Apakah tindakan terhadap projek terbengkalai yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes?

JAWAPAN:

- a) Hasil penyelidikan nyamuk berWolbachia oleh pihak IMR di Selangor pada 2017 menunjukkan keputusan yang positif dan memberangsangkan bagi kawalan denggi di 7 lokaliti denggi Petaling dan 2 lokaliti denggi di daerah Gombak. Kesemua lokaliti menunjukkan pengurangan kes denggi dan status lokaliti denggi di lokaliti berkenaan adalah terkawal.

Fasa penyelidikan ini telah diteruskan ke fasa operasi di 8 lokaliti lain bermasalah denggi di Petaling pada 2019 dan tambahan 4 lokaliti lain pada tahun 2020. Projek ini juga diluaskan ke negeri lain seperti Pulau Pinang dan Johor di lokaliti terpilih.

- (b) Langkah untuk mencegah denggi selain daripada pemeriksaan rumah ke rumah oleh penduduk adalah melalui:
 - i) Memperluas Pendidikan kesihatan denggi melalui platform aplikasi *idengue* agar masyarakat mudah mendapatkan maklumat berkenaan denggi
 - ii) Aktiviti pencegahan denggi melibatkan premis kerajaan dan kuarters kerajaan di negeri Selangor melalui Program Selangor Bebas Aedes Tempat Kerja dan Kuarters Kerajaan. Bermula April 2019 dan sedang dilaksana di semua daerah. Diselaraskan oleh Unit Perancang ekonomi Kerajaan negeri Selangor dan dibantu secara teknikal oleh Unit Vektor JKN Selangor. Masih berada di fasa awal program.

- iii) Pengukuhan semula program pencegahan denggi di sekolah melalui Program Bebas Denggi Sekolah dan pemantauan pelaksanaan oleh pihak PKD/ JKNS secara bulanan.
 - iv) Projek Wolbachia di daerah Petaling melibatkan pelepasan telur nyamuk ber-Wolbachia di 8 lokaliti bermasalah utama denggi. Masih diperingkat awal pelaksanaan dan diselia pantau sepenuhnya oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - v) Pelaksanaan *Outdoor Residual Spray* (semburan racun serangga di dinding premis) bagi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di bangunan berstrata yang bersesuaian oleh pihak PKD. Diperluaskan di peringkat premis agensi yang berminat contohnya TUDM dan Appartment Kenanga di Hulu Langat.
- (c) Pihak PKD melaksana Ops Gempur Aedes secara berkala di beberapa lokaliti berisiko denggi termasuk tapak bina. Tindakan perundangan seperti tindakan mahkamah akan dikenakan kepada pemilik projek yang mempunyai positif pembiakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : BAIK PULIH APARTMENT KRISTAL

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani isu projek Apartmen Kristal yang terbengkalai sejak sekian lama?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri mengatasi masalah yang rata-rata unit Kristal sudah ada pembeli dimana mereka hanya terpaksa membayar hutang bank begitu sahaja kerana rumah dibeli terbengkalai?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek apartment Kristal, Selayang Mutiara telah disahkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 18 Februari 2013. Pemulihan projek perumahan ini akan dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN). Pada masa ini, pihak JPN dalam peringkat terakhir proses perlantikan kontraktor penyelamat yang dijangka memasuki tapak bagi memulakan kerja-kerja pada pertengahan April 2020. Projek dijangka siap pada pertengahan April 2022.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berkerjasama dengan KPKT dalam usaha menyelesaikan masalah projek terbengkalai ini sejak sekian lama. Antara pendekatan yang telah diambil oleh LPHS dalam menangani isu projek apartment Kristal yang terbengkalai ini adalah mengadakan perbincangan secara berkala bersama Pejabat Tanah Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang, KPKT dan pihak pelikuidasi (*Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd*) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT). Perbincangan turut diadakan dengan semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan. JPPT bertujuan bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak antaranya bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai dalam memulihkan projek ini. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan

disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Pada tahun 2019 Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai Pihak Berkuasa Tempatan (JKPPT PBT) ditubuhkan untuk memastikan fokus pemulihan, pengurusan isu sepanjang pengendalian mesyuarat dan pemantauan penyelesaian projek terbengkalai di kawasan 12 PBT dapat ditangani dengan lebih cekap, holistik, telus dan sistematik secara berterusan dengan kolaborasi pelbagai agensi.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, apartment Kristal Taman Selayang Mutiara merupakan projek perumahan swasta terbengkalai yang akan dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT tanpa sebarang kos tambahan daripada pembeli. Berdasarkan rekod pelikuidasi (*Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd.*) dianggarkan seramai 490 pembeli yang terlibat dalam pembangunan ini. Memandangkan projek ini merupakan projek perumahan swasta terbengkalai yang dikawalselia oleh pihak KPKT maka bagi mengatasi masalah pembeli apartment Kristal yang terpaksa membayar hutang di bank, pihak JPN juga berperanan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pemiaya atau bank. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor sebagai agensi pemantauan senantiasa bekerjasama rapat dengan pihak KPKT bagi memastikan projek apartment ini dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi melalui perbincangan secara berkala dengan semua agensi melalui mesyuarat JPPT dan JKPPT.

Berdasarkan rekod JPN, pada masa ini pihaknya dalam peringkat terakhir bagi proses perlantikan kontraktor penyelamat yang dijangka memasuki tapak untuk memulakan kerja-kerja pada pertengahan bulan April 2020. Sehubungan itu, projek dijangka siap pada pertengahan April 2022.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELAJAR UNISEL

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar ke UNISEL dari 2017-2019 mengikut kursus?
- b) Nyatakan cabaran atau masalah UNISEL untuk menarik minat pelajar asing untuk belajar di UNISEL dan apakah strategi UNISEL untuk menarik minat pelajar belajar di sana?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kemasukan pelajar ke UNISEL dari 2017 – 2019 mengikut kursus adalah seperti berikut:

BIL	KURSUS	TAHUN		
		2017	2018	2019
1.	ASAS/ <i>FOUNDATION</i>	406	352	325
2	DIPLOMA	1171	1240	926
3	IJAZAH SARJANA MUDA / <i>BACHELOR DEGREE</i>	1642	1435	1292
4	SARJANA / <i>MASTER</i>	37	19	32
5	DOKTOR FALSAFAH / <i>DOCTORATE</i>	86	37	33
	JUMLAH	3,342	3,083	2,608

- b) Permohonan pembaharuan lesen bagi pengambilan pelajar antarabangsa UNISEL bagi kedua-dua kampus di Bestari Jaya dan Shah Alam telah ditangguhkan pada **27 Feb 2019** dan **29 Feb 2019** oleh pihak JPT. Sepanjang tempoh tersebut UNISEL tidak dapat mengambil para pelajar baru antarabangsa.

Pihak Pengurusan UNISEL telah berjaya menyelesaikan isu berkaitan lesen ini bagi Kampus Shah Alam dengan mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk tempoh setahun bermula pada **29 Jan 2020**. Walaubagaimanapun, Kampus Bestari Jaya masih lagi dalam proses pertimbangan akhir di peringkat KDN dan dijangkakan akan mendapat keputusan dalam jangka masa yang terdekat.

Oleh yang demikian, perkara berkaitan pembaharuan lesen seperti yang telah dinyatakan di atas merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh UNISEL, dan kini ia bakal ditangani dengan baik dengan kerjasama daripada semua pihak dalaman UNISEL dan JPT serta KDN.

Cabaran lain dihadapi UNISEL untuk menarik minat pelajar antarabangsa untuk belajar di UNISEL adalah seperti berikut:

1. Tiada aktiviti promosi dan pemasaran di peringkat antarabangsa dijalankan kerana isu pembaharuan lesen yang telah tertangguh hampir setahun sejak Februari 2019.
2. Bilangan staf yang berpengalaman dan khusus dalam aktiviti pemasaran di luar negara bagi menarik minat pelajar antarabangsa adalah amat terhad (1 orang).
3. Faktor kewangan bagi aktiviti pemasaran di luar negara yang bertujuan bagi menarik minat pelajar antarabangsa ke universiti ini melibatkan kos yang amat tinggi yang menyebabkan aktiviti pemasaran yang perlu dijalankan adalah terhad.
4. Penarafan universiti yang rendah dalam kategori tempatan dan dunia menyebabkan para pelajar antarabangsa lebih cenderung memilih universiti tempatan lain berbanding universiti ini.
5. Program yang ditawarkan oleh universiti lain (*competitors*) adalah lebih menarik dan bersifat *cross-discipline* yang menarik minat pelajar antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, **strategi UNISEL** yang sedang dan bakal dilaksanakan untuk menarik para pelajar antarabangsa bermula tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Memperkemaskan urus tadbir pengurusan di Pejabat Antarabangsa di universiti ini melalui perubahan struktur organisasinya untuk memastikan syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkaitan pengurusan para pelajar antarabangsa di universiti ini sentiasa dipatuhi dengan baik dan teratur, yang secara tidak langsung bakal menarik minat dan kepercayaan para ibubapa atau pelajar antarabangsa ke universiti ini sebagai pilihan utama.

2. Dengan tertubuhnya unit yang khusus, iaitu *Bahagian Pemasaran* di Pejabat Antarabangsa di universiti ini, ianya akan menumpukan skop pemasaran pelajar antarabangsa melalui penyertaan aktiviti pemasaran dengan pihak EMGS dan pihak *Event Management*. UNISEL sedang mengenalpasti untuk bekerjasama dengan organisasi rakan strategik bagi tujuan membiayai sebahagian kos aktiviti pemasaran ini (seperti yuran penyertaan, tiket penerbangan, penginapan, elaun lojing dan makan) tertakluk kepada kelulusan pihak Pengurusan Eksekutif UNISEL.
3. Mempertingkatkan promosi UNISEL dengan memperkenalkan **UNISEL Scholarship Award for International Student (USAIS)** tertakluk kepada “terma dan syarat” yang bertujuan memberi pulangan keuntungan kepada universiti ini. Dianggarkan sejumlah 960 pelajar antarabangsa daripada enam (6) negara terpilih (Tanzania/Zanzibar, Kenya, Somalia, Sudan, Zambia dan Maghribi) yang bakal memperoleh USAIS ini. Diharapkan usaha ini dapat meningkatkan minat pelajar antarabangsa untuk memilih UNISEL sebagai pilihan utama.
4. Pihak Pengurusan UNISEL akan mempertingkatkan usaha bagi meningkatkan *ranking* tempatan dan dunia dengan memberi fokus kepada kategori tertentu, melalui usaha meningkatkan kualiti dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan dengan kerjasama semua fakulti dan organisasi luar serta Kerajaan Negeri Selangor.
5. Berikut adalah **strategi jangka panjang** universiti yang bakal dijalankan:
 - i. Pelantikan bekas pelajar (alumni) sebagai agen pemasaran kepada Universiti ini.
 - ii. Penubuhan unit cawangan pemasaran Universiti ini di luar negara.
 - iii. Menjalankan aktiviti promosi secara terus di sekolah-sekolah luar negara.
 - iv. Mengenalpasti dan memperkenalkan program-program yang bersifat *cross-discipline* dengan kerjasama *partner-university* di luar negara.
 - v. Penyertaan dalam “*Times Higher Education-University Impact Ranking*” (*Impact on Society*) yang baru mula diperkenalkan pada tahun 2019, di mana penilaian skor adalah berdasarkan kepada “*17 United Nations’ Sustainable Development Goals*” (*17 SDGs*). Penyertaan Universiti ini dalam *THE-UJR* dapat meningkatkan *ranking*

di peringkat dunia (level the playing field) yang secara tidak langsung dapat menarik minat para pelajar antarabangsa ke universiti ini.

- vi. Fokus kepada negara Afrika Timur merangkumi Tanzania, Somalia dan Kenya.
- vii. Mengunjungi Kementerian Pendidikan Tanzania, Kenya dan Sumait University di Zanzibar dalam usaha mempromosi UNISEL.
- viii. Hasilnya Tanzania berjanji akan menghantar seramai 160 pelajar tertakluk kepada kelulusan lesen untuk pengambilan pelajar antarabangsa.